

11/10/2002

Pihak persoal usaha wujudkan perpaduan nasional dibidas

SETIAUSAHA Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, membidas tindakan segelintir pihak yang sering mempersoalkan mengenai kegagalan kerajaan mewujudkan perpaduan nasional.

Beliau berkata, pihak terbabit sebenarnya mahu mempengaruhi rakyat dengan hasutan kononnya kerajaan mengamalkan dasar pecah dan perintah.

"Jika Perdana Menteri menyentuh masalah perpaduan nasional, beliau memberi ingatan kepada rakyat supaya mengekalkan perpaduan yang diwujudkan sejak merdeka.

"Tetapi ada golongan sering mencari isu untuk memecah-belahkan perpaduan kaum seperti memutarbelitkan usaha kerajaan menubuhkan Sekolah Wawasan.

"Apabila kita mahu melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris, ada kumpulan mendakwa usaha itu akan menghilangkan identiti sesetengah kaum.

"Begitu juga apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Malaysia negara Islam, DAP ambil kesempatan menuduh kerajaan menafikan hak orang bukan Islam," katanya menjawab soalan Tan Kok Wai (DAP-Cheras).

Noh berkata, bentuk hasutan itu ia boleh menggagalkan usaha kerajaan membentuk perpaduan.

"Jika sekali perpaduan hancur, kita mungkin perlu mengambil masa panjang untuk pulih atau mungkin tidak dapat dipulihkan langsung," katanya.

Kata Noh, pembangkang sering menuduh kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) mengamalkan konsep pecah dan perintah sedangkan apa yang diamalkan adalah perkongsian kuasa.

"Kita lihat ada 14 parti dalam BN walaupun berasaskan kaum tapi boleh bekerja dalam satu pasukan.

"Berbeza dengan pakatan pembangkang yang tidak sampai tiga tahun sudah berpecah dan tidak bersatu, bagaimana hendak membantu kerajaan mewujudkan perpaduan," katanya.

Noh berkata, jika pembangkang dan kumpulan kecil yang sering mempersoal mengenai perpaduan, mereka perlu mengkaji mengenai kontrak sosial mengenai asas pembentukan negara bangsa.

"Kita berharap usaha mengekalkan perpaduan bukan terletak pada bahu kerajaan tetapi menjadi tugas pembangkang membantu ke arah itu," katanya.